

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kapasiti merawat pesakit positif COVID-19 yang memerlukan rawatan rapi (kategori tiga hingga lima) di Sabah. Nyatakan pecahan 'breakdown' jumlah katil dan ventilator bagi rawatan rapi mengikut 7 hospital, dan sama ada ianya mencukupi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sehingga 26 Oktober 2020, terdapat sembilan (9) buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Negeri Sabah yang telah dikenalpasti untuk merawat pesakit Covid-19. Dari jumlah ini, enam (6) buah hospital mempunyai kapasiti untuk merawat pesakit Covid-19 yang memerlukan perawatan kritikal di Unit Rawatan Rapi (ICU).

2. Sebanyak 128 buah katil ICU khusus bagi perawatan pesakit kritikal Covid-19 dan 193 buah ventilator telah disediakan di hospital KKM di Negeri Sabah. Penggunaan katil ICU khusus bagi pesakit Covid-19 bagi kesemua hospital ini adalah sebanyak 56%, manakala penggunaan ventilator pula, dilaporkan sebanyak 37% (pada 4 November 2020).

Sekian, terima kasih.